

DAP: Kerajaan perlu siasat Sime Darby dan hukum jika sebabkan jerebu
Malaysian Insider
June 24, 2013

Kerajaan harus menyiasat dan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat berkait kerajaan (GLC) Sime Darby jika terlibat dengan pembakaran hutan sehingga menyebabkan jerebu, kata Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Menteri Alam Sekitar Indonesia, Balthasar Kambuaya hujung minggu lalu mendakwa syarikat PT Tunggal Mitra Plantation, sebahagian daripada Minamas Plantation, anak syarikat Sime Darby Plantation yang berpusat di Malaysia, terlibat menebang dan membakar hutan untuk membersihkan kawasan ladang di Indonesia.

"Dakwaan serius terhadap Sime Darby mesti disiasat secara terperinci memandangkan Sime Darby adalah sebuah syarikat GLC yang dimiliki kerajaan Malaysia," kata Lim dalam satu kenyataan hari ini.

"Kerajaan Malaysia mesti menghantar pasukan penyiasatnya sendiri untuk memeriksa dakwaan terbabit, dan menghukum mana-mana syarikat Malaysia jika benar mereka terlibat," tambahnya.

Sebuah syarikat Malaysia yang didakwa Balthasar terlibat dalam pembakaran hutan secara terbuka adalah PT Adei Plantation yang dimiliki oleh Kepong Berhad.

Menurut Balthasar lagi, "syarikat perladangan Malaysia sering menyuruh orang tempatan membakar hutan atau kawasan tanah gambut berhampiran kawasan konsesi mereka, dengan harapan api tersebut akan merebak masuk ke kawasan mereka.

"DAP maklum bahawa Sime Darby Plantations Bhd telah mengeluarkan kenyataan menafikan dakwaan daripada kerajaan Indonesia ini.

"DAP berharap agar pihak kerajaan Indonesia tidak mencuba untuk mengalihkan perhatian daripada kegagalan mereka untuk mencegah pembakaran terbuka sedemikian oleh syarikat perladangan Indonesia dan pengusaha kecil dengan menyalahkan syarikat Malaysia yang tidak bersalah semata-mata," katanya.

Dua kawasan di Johor iaitu Muar dan Ledang telah diisytiharkan darurat Jerebu. Sekolah-sekolah di sekitarnya telah diarahkan untuk ditutup.

Melaka dan Kuantan juga telah mengeluarkan arahan sama agar semua sekolah ditutup.

Terbaru malam tadi, Kuala Lumpur dan Selangor juga telah menyetujui arahan agar sekolah-sekolah di negeri berkenaan ditutup. - 24 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-kerajaan-perlu-siasat-sime-darby-dan-hukum-jika-sebabkan-jerebu/>

